

**Muhyiddin Adakan Lawatan Rasmi Ke India**  
**Bername**  
**08 March 2011**

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan berlepas ke Mumbai, Selasa petang untuk lawatan rasmi lima hari ke India di mana beliau akan bertemu Perdana Menteri Manmohan Singh bagi membincangkan isu-isu kepentingan bersama kepada Malaysia dan India.

Semasa lawatan itu, Muhyiddin akan diiringi delegasi yang antara lain terdiri daripada Menteri Kerja Raya Datuk Shaziman Abu Mansor, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr S. Subramaniam, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk M. Saravanan, Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman dan Duta Khas Infrastruktur ke India dan Asia Selatan, Datuk Seri S. Samy Vellu.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra, lawatan itu adalah atas jemputan Manmohan Singh dan Menteri Luar India S.M.Krishna.

Di Mumbai, Muhyiddin dijadual menghadiri sesi mesyuarat meja bulat dengan pemimpin-pemimpin industri India, sesi dialog dengan syarikat-syarikat Malaysia yang beroperasi di India, melawat VFS Global Malaysia Visa Centre dan bertemu rakyat Malaysia yang menetap di Mumbai.

Selain pertemuannya dengan Manmohan Singh di ibu negara India pada Khamis, Muhyiddin juga akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Pembangunan Bandar Shri Saugata Roy, Menteri Pengangkutan Jalan dan Lebuhraya Dr C.P.Joshi dan Menteri Pembangunan Sumber Manusia Kapil Sibal.

Muhyiddin juga dijangka merasmikan pembukaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) di Gurgaon, New Delhi, diikuti lawatan ke satu tapak projek infrastruktur - usaha sama antara Malaysia dan rakan kongsi tempatan.

Timbalan Perdana Menteri juga akan berucap pada satu majlis makan tengah hari anjuran bersama Pertubuhan Perundangan Undang-undang Asia-Afrika (AALCO) dan Kementerian Hal Ehwal Luar India, kata kenyataan itu.

Di Chennai pula, Muhyiddin dijadual bertemu Ketua Menteri Tamil Nadu, M Karunanidhi yang juga tetamu kehormat bagi Malam Kebudayaan Malaysia bagi menyambut penubuhan bandar berkembar antara Kuala Lumpur dan Chennai.

Muhyiddin juga dijangka bertemu pasukan skuasy Malaysia, yang bersaing dalam kejohanan skuasy Piala Dunia yang sedang berlangsung dan begitu juga dengan rakyat, pelajar dan ahli perniagaan Malaysia di Chennai.

**Source: BERNAMA**